

FATIN mengemas buku lama dikumpulnya yang akan dijual sebagai barangan lusuh ketika cuti semester.

PELAJAR IKAT PERUT

Hanya teguk air masak

Penuntut sudah biasa berlapur apabila wang habis di penghujung semester



FATIN berehat seketika selepas penat menyusun buku terpakai yang dipungut di sekitar kampung.

Oleh Nazydy Harun
am@hmetro.com.my
Dungun

"Sudah menjadi kebiasaan, setiap semester ada masanya saya hanya akan meneguk air masak dalam tempoh dua hingga tiga hari tanpa makan kerana belum dapat duit pinjaman atau wang habis di penghujung semester," kata Fatin Farhana Azwa Rasdy, 20, pelajar tahun dua jurusan Diploma Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Menurutnya, dia sudah biasa berlapur dan tidak pernah sesekali menghubungi keluarganya di kampung untuk meminta

"Saya tidak pernah menangis kerana tidak dapat makan, namun air mata saya pernah mengalir apabila sesetengah individu mengejek kerana kemiskinan saya"
Fatin Farhana Azwa Rasdy

wang berikutan dia memahmi tugas yang berat perlu digalas bapanya, Rasdy Daud, 48, dalam membesarkan adik-adiknya yang lain.

Katanya, sekiranya kehabisan wang, dia akan makan apa yang ada di bilik asrama dan kebiasaannya hanya biskut serta roti, tetapi sekiranya semua bekalan makanan habis, dia hanya meminum air masak untuk alas perut.

"Selepas ditolak yuran pengajian, biasanya saya akan memperoleh baki kira-kira

RM1,000, namun sedikit daripada wang itu saya kirimkan kepada keluarga di kampung untuk perbelanjaan enam lagi adik yang masih bersekolah.

"Baki yang tinggal saya gunakan untuk membeli makanan, buku dan peralatan menyiapkan tugas pelajaran," katanya ketika ditemui di rumahnya di Taman Setia, Bandar Al Muktaffi Bilah Shah, di sini, semalam.

Menurutnya, rakan dan bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEPA) UniSZA, banyak membantu dalam menguruskan kehidupannya bergelar seorang mahasiswi.

Fatin berkata, dia tidak akan menyusahkan keluarganya berikutan enam adik-beradiknya iaitu Sallahuddin Al-Ayubbi, 6; Luqman Al-Hakeem, 10; Fatin Anis Zulaikha, 12; Iskandar D' Zulfarnain, 14, dan Fatin Nur Syuhaidah, 16, masih bersekolah, manakala Fatin Nur Syakirah, 18, sedang menunggu keputusan Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) dan abangnya, Ahmad Idhlal, 23, kini bekerja untuk membantu menambah pendapatan keluarga.

Menurutnya, bapanya bekerja sebagai pengawal keselamatan dengan gaji sebanyak RM900 sebulan dan terpaksa melakukan pelbagai kerja lain bagi menampung perbelanjaan keluarga besarnya.

Katanya, dia terpaksa mengikat perut dan hanya menikmati hidangan mengikut

kemampuan serta kewangan yang ada ketika berada di kampus.

"Saya tidak kisah walaupun hanya menikmati air masak kerana sejak kecil saya sudah melalui kehidupan yang susah dan berbekalkan pengalaman itu mendorong saya untuk terus belajar sehingga berjaya.

"Saya tidak pernah menangis kerana tidak dapat makan, namun air mata saya pernah mengalir apabila ada sesetengah individu mengejek kerana kemiskinan saya dan tidak layak untuk berkawan dengan mereka.

"Kejadian seperti itu menjadi pembakar semangat bagi saya untuk terus berjaya selain bantuan berterusan disalurkan UniSZA antaranya memberi komputer riba, wang zakat, bantuan makanan wang saku bagi membolehkan saya terus menuntut ilmu," katanya.

Menurutnya, dia tidak pernah serik menuntut ilmu walaupun keluarganya miskin dan akan menyambung pengajiannya di peringkat ijazah selepas tamat pengajian diploma.

Sementara itu, Rasdy berkata, selepas waktu kerja sebagai pengawal keselamatan dia akan melakukan pelbagai kerja lain bagi meningkatkan pendapatan keluarga antaranya bertani, mencari barangan terbuang dan berniaga kecil-kecilan di rumah.

"Saya berharap Fatin akan terus berusaha dan menjadi contoh kepada adik-adiknya dalam mencapai kejayaan dalam pelajaran.

UniSZA ambil inisiatif bantu pelajar

Kuala Nerus: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sentiasa menitikberatkan kebajikan pelajar dalam meneruskan pembelajaran dan Unit Penajaan dan Dana Pelajar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA), dipertanggungjawabkan menguruskan pinjaman dan biasiswa pelajar termasuk menguruskan tabung kebajikan.

Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof Dr Nik Wan Omar berkata, bagi pelajar yang kurang berkemampuan, pihaknya mengambil inisiatif dengan memperkenalkan beberapa jenis saluran bagi menghulurkan bantuan.

Menurutnya, bantuan yang diberikan adalah merangkumi kewangan, peralatan pembelajaran dan juga keperluan khas seperti kerusi roda bagi pelajar kurang upaya.

Katanya, UniSZA juga mempunyai Tabung Kebajikan dan Perlindungan Mahasiswa/Mahasiswi (TKPM) serta Tabung Zakat.

"TKPM adalah tabung bagi membantu pelajar yang menghadapi kesulitan seperti kematian pelajar, ibu, bapa atau pen-

jaga, kebakaran kediaman, bayaran wad di hospital kerajaan dan lain-lain bencana.

"Sebagai contoh, UniSZA sudah membantu seorang pelajar yang mempunyai kesulitan meneruskan pengajian dalam bidang Teknologi Maklumat (IT), tetapi tidak mempunyai komputer riba.

"Oleh itu, pihak kami melaksanakan pendekatan turun padang untuk mendekati pelajar terabit dan menyumbangkan komputer riba kerana program pengajian diambil memerlukan penggunaan komputer riba sepanjang masa.

"Tabung zakat pula bagi membantu pelajar yang mempunyai masalah kewangan dalam meneruskan pengajian di UniSZA. Kita juga mempunyai medium tersendiri bagi pelajar yang mempunyai masalah pembayaran yuran untuk meneruskan pengajian.

"Bagaimanapun, adalah diharapkan pelbagai pihak boleh tampil menghulurkan bantuan bagi membantu pelajar-pelajar berkenaan hingga ke akar umbi," katanya.

"Saya tahu dia (Fatin) mampu melalui kesusahan ini kerana sejak kecil dia yang banyak membantu keluarga

terutama mencari barangan lusuh yang boleh dijual untuk mendapatkan pendapatan tambahan," katanya.

